



Abang Johari pada sesi soal jawab dikendalikan Munawar, Siva dan Mona di Kuching.

(Foto Nadim Bokhari/BH)

'Biar Anwar jadi PM hingga habis tempoh'

Premier Sarawak gesa semua pihak fokus stabilkan politik, ekonomi

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuching: Datuk Seri Anwar Ibrahim harus dikekalkan sebagai Perdana Menteri hingga tamat tempoh penggal Parlimen ketika ini.

Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg, berkata, jika Anwar ditukar sebelum penggal pentadbiran berakhir, beliau yakin banyak lagi usaha menukar kerajaan akan berlaku selepas itu.

Abang Johari berkata, keutamaan sekarang ialah kestabilan politik negara untuk memulihkan ekonomi Malaysia dan memastikan rakyat menikmati kesejahteraan.

"Kalau Anwar, Perdana Menteri sudah di sana (menerajui ke-

rajaan ketika ini), biarkanlah sampai habis.

"Ini kerana ketentuan kerajaan mengikut amalan demokrasi ialah apabila pilihan raya telah diadakan. Apa keputusannya, biarlah sampai habis," katanya di sini, kelmarin.

Beliau berkata demikian pada sesi soal jawab dikendalikan Munawar Sayed Mustar bersama dua lagi moderator, Prof Datuk Dr Siva Pandian dan Mona Abdul Manap. Yang turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Elak rakyat jadi mangsa

Mengulas lanjut, Abang Johari menjelaskan, sekiranya kerajaan sekarang ditukar selepas tempoh hanya setahun mentadbir, beliau percaya politik negara akan terus bergoncang.

"Selepas itu, akan ada macam-macam (istilah) seperti 'tebuk atap', 'masuk jendela' dan mungkin ada juga 'tebuk lantai' pula nanti.

"Akhirnya yang menjadi mangsa ialah rakyat seluruh negara," katanya.

Abang Johari berkata, Sarawak akan terus berpegang kepada pendirian menyokong kerajaan sedia ada bagi mengukuhkan kestabilan politik Malaysia.

Katanya, beliau hairan Gabungan Parti Sarawak (GPS) dikaitkan 'Langkah Dubai', sambil mendakwa sedangkan mereka langsung tidak tahu perkara itu.

"Memang ada pemimpin GPS, iaitu Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan (Timbalan Premier Sarawak) berada di Dubai kerana bercuti di sana.

"Beliau tidak berjumpa sesiapa (seperti yang didakwa) di sana. Jadi, macam manalah GPS boleh dikaitkan, termasuk mendakwa saya akan dipilih sebagai Perdana Menteri," katanya.

Abang Johari berkata, GPS sedar kedudukan mereka yang hanya mempunyai 23 Ahli Parlimen, dan tidak mungkin beliau bertahan lama sekiranya dipilih menerajui kerajaan yang dibentuk hasil Langkah Dubai itu.

"Dengan jumlah Ahli Parlimen yang hanya 23 orang, pasti akan ada tekanan kepada saya pula nanti," katanya.